

Anak Batu Pahat raih undi tertinggi

Pemilihan MPP Usim 2015 berjalan lancar

■ KHAIRULKEIZA MOHD NAJIB

NILAI - Penuntut Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Muhammad Irfan Mohd Jaleel, 21, meraih undi tertinggi dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2015/2016, di sini, kelmarin.

Mahasiswa tahun tiga dari Fakulti Sains dan Teknologi yang berasal dari Batu Pahat, Johor ini memperoleh 5,646 undian, sekali gus mengungguli sembilan calon umum lain.

"Saya tak berkata apa bila dapat tahu kemenangan ni. Maklumlah, jadi seorang pemimpin bukan satu tugas mudah sebab kita pegang tanggungjawab yang cukup besar.

"Matlamat saya lepas ni, nak mengajak rakan-rakan mahasiswa supaya produktif dalam pelbagai bidang," kata anak sulung daripada empat beradik yang bercita-cita menjadi ahli aktuari berjaya membawa nama Islam.

Sementara itu, Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, seramai 5,866 daripada 10,088 pelajar keluar mengundi pada edisi kali ini iaitu sekitar 58.15 peratus, di mana berlaku penurunan berbanding 75.43 peratus pada tahun lalu.

"Seramai 10 calon bertanding merebut lapan kerusi umum, manakala 29 calon untuk 16 kerusi di lapan fakulti. Tempoh berkempen ditetapkan dari 15 Oktober hingga 20 Oktober, jam 12 tengah malam.

"Sebanyak lapan pusat pengundi-



SILA LETAK KAD Matrik ANDA DI SINI

Kain rentang gergasi Pemilihan MPP 2015 Usim yang terdapat di Kompleks Sukan Tunku Najihah.

Kelihatan pelajar sedang memilih calon menggunakan sistem undian berkemputer.



Barisan kepimpinan MPP baharu Usim bagi sesi 2015-2016.

an dibuka. Bagi kampus Nilai, masa mengundi dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang dan kampus Pandan pula jam 9 pagi hingga 4 petang," katanya.

Untuk rekod, tujuh lagi calon iaitu Imran Razalle menerima 5,286 undi, Nurhidayah Syahira Muhammad Radzi (4,962), Nurul Nazifah Rosli (4,929), Farah Alwani Azaman (4,806), Muhammad Anas Dollah (4,605), Hanafi A Hamid (4,583) dan Nur Fazwanis Othman (4,203).



Pihak urus setia sedang menyemak butiran pelajar, sebelum membenarkan mereka mengundi.



Salah sebuah gazebo di Fakulti Ekonomi dan Muamalat tampak dipenuhi dengan poster calon yang bertanding.



Pembantu urus setia pemilihan MPP, Muhammad Muiz Ahmad, 20, sedang menyemak statistik semasa membabitkan jumlah undian.



Musa (depan dua, kiri) menyampaikan amanat kepada Muhammad Irfan (lima, kanan) dan barisan kepimpinan MPP Usim sesi 2015 - 2016.